



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**SOSIALISASI DAN TINGKAHLAKU KEWANGAN REMAJA**

**MOHAMAD FAZLI SABRI**

**FEM 2002 4**

# **SOSIALISASI DAN TINGKAHLAKU KEWANGAN REMAJA**

**oleh**

**MOHAMAD FAZLI SABRI**

**Tesis ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra  
Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan untuk Ijazah Master Sains**

**Jun 2002**



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada senat Universiti Putra Malaysia  
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

## **SOSIALISASI DAN TINGKAHLAKU KEWANGAN REMAJA**

Oleh

**MOHAMAD FAZLI SABRI**

**Jun 2002**

**Pengerusi: Profesor Madya Dr. Jariah Masud**

**Fakulti: Ekologi Manusia**

Penyelidikan ini bertujuan untuk mengkaji tingkahlaku kewangan remaja, sosialisasi kewangan serta mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi tingkahlaku kewangan remaja. Kaedah persampelan mudah (*convenience sampling*) digunakan dan data dikutip menggunakan borang soal selidik yang dijawab sendiri oleh pelajar tahun satu di Universiti Putra Malaysia. Sejumlah 3500 borang soal selidik telah diedarkan untuk kajian ini. Kutipan data telah dijalankan dalam tahun 2001.

Sebanyak 2219 soal selidik telah dijawab dengan lengkap dan dianalisa. Kajian terdiri daripada 67.9% remaja perempuan dan selebihnya adalah remaja lelaki yang berada di peringkat akhir remaja. Kajian mendapati majoriti remaja mengalami masalah kewangan walaupun mereka menyatakan mempunyai amalan pengurusan kewangan yang baik. Tingkahlaku kewangan remaja ini sebenarnya dipengaruhi oleh interaksi mereka dengan agen sosialisasi. Majoriti remaja berinteraksi dengan rakan sebaya, ibu bapa dan media dalam aspek penggunaan.



Ujian Regresi Pelbagai (*Stepwise*) menunjukkan angkubah yang memberikan sumbangan signifikan untuk menerangkan variasi interaksi remaja dengan rakan sebaya ialah interaksi dengan media massa, bilangan masalah kewangan, interaksi dengan ibu bapa, jumlah masa dengan rakan, bilangan adik beradik dan bilangan sumber kewangan. Angkubah yang menerangkan variasi interaksi remaja dengan ibu bapa pula ialah jumlah masa dengan ibu bapa, jumlah masa guna media, pendapatan keluarga, interaksi dengan rakan sebaya, bilangan adik beradik, jumlah masa dengan rakan dan pengalaman kewangan. Tujuh angkubah yang menerangkan variasi interaksi remaja dengan media ialah jumlah masa dengan rakan, interaksi dengan rakan sebaya, bilangan masalah kewangan, interaksi dengan ibu bapa dan jumlah wang yang diterima. Angkubah yang menerangkan variasi faktor-faktor yang mempengaruhi tingkahlaku kewangan remaja ialah interaksi remaja dengan ibu bapa, bilangan masalah kewangan, pengalaman kewangan dan jumlah tahun tinggal di asrama.

Secara keseluruhannya kajian mendapati tingkahlaku kewangan remaja dipengaruhi oleh sosialisasi kewangan. Remaja belajar mengenai pengurusan kewangan menerusi interaksi mereka dengan rakan sebaya, ibu bapa dan media. Dapatan kajian ini selari dengan kajian yang pernah dijalankan di barat dalam bidang sosialisasi pengguna.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia  
in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Science

## **SOCIALIZATION AND ADOLESCENTS' FINANCIAL BEHAVIOR**

By

**MOHAMAD FAZLI SABRI**

**June 2002**

**Chairman: Associate Professor Dr. Jariah Masud**

**Faculty: Human Ecology**

The purpose of this study is to examine adolescents' financial behaviors and financial socialization. In addition, factors affecting their financial behavior were identified. This study adopted the convenience sampling method. Data were obtained using self-administered questionnaires, distributed to 3500 first year students at the Universiti Putra Malaysia in 2001.

A total of 2219 set of completed questionnaires were analyzed. Sixty seven point nine percent of the respondents were female and 32.1% were males. Respondents in both group were in their late adolescent stage. The findings showed that the majority of respondents had financial problems, despite their claim that they were practising good financial management. This is because their financial behavior are actually affected by their interaction with the socialization agents. Majority of them were found to interact with their peers, parents and media in terms of their consumption.



The Multiple Regression (Stepwise) analysis showed that the variables which significantly explain variation in adolescents interaction with peers were media use, number of financial problems, interaction with parents, total interaction time with peers, number of siblings and number of financial sources. The variables that can significantly explain the variation in adolescents interaction with parents were total interaction time with parents, time using media, family's income, interaction with peers, number of siblings, total interaction time with peers and financial experience. On the other hand, seven variables were found to have significantly contribute in explaining variation in interaction with media. These variables are the total time and the extent of interaction with peers, number of financial problems, interaction with parents and total amount of money received. Four variables were found to have contributed significantly in explaining the variation in financial behavior of the adolescents. The are interaction with parents, number of financial problems, financial experience and total of years staying in boarding school.

In conclusion, financial behavior of the adolescents in this study was influenced by financial socialization. The adolescents learned about financial management from their interaction with peers, parents and media. The findings were consistent with the studies done by various researchers in the area of consumer socialization.



## PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim,

Dengan Nama Allah S.W.T Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani. Selawat Dan Salam Buat Junjungan Mulia Rasulullah S.A.W. Bersyukur saya ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya serta keizinanNya, dapatlah saya menyiapkan tesis ijazah sarjana yang bertajuk “Sosialisasi dan Tingkahlaku Kewangan Remaja” ini dalam tempoh yang diberikan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Prof. Madya Dr. Jariah Masud selaku penyelia tesis sarjana ini di atas segala bimbingan, panduan dan nasihat serta tunjuk ajar yang telah diberikan. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga ini juga ditujukan khas kepada Prof. Madya Dr. Laily Paim dan Dr. Sharifah Azizah Haron selaku ahli jawatankuasa penyeliaan yang telah banyak membantu. Tanpa bantuan, dorongan, sumbangan idea serta tunjuk ajar yang diberikan sukar untuk saya menyiapkan tesis ini dengan jayanya.

Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada En. Husalshah Rizal Hussian, Pegawai Tadbir di Unit Kewangan Pelajar, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Universiti Putra Malaysia di atas segala kerjasama yang diberikan sepanjang proses pengumpulan data diadakan.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih ini ditujukan khas buat warga Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajian Pengguna terutama Dr. Ahmad Hariza Hashim, Dr. Mumtazah Othman, Prof. Madya Dr. Nurizan Yahaya, Cik Afida Mastura Muhd. Ariff, Puan Zumilah Zainalaludin, Tuan Haji Mohd. Amim Othman dan Puan Umi Kalthum yang banyak memberikan bantuan, nasihat dan dorongan di sepanjang saya menjalankan kajian ini.

Penghargaan ini juga ditujukan istimewa buat keluarga tercinta dan saudari Zalifah Zahani di atas segala sokongan moral dan semangat yang diberikan. Segala pengorbanan dan doa kalian amat dihargai dan akan dikenang sepanjang hayat. Tidak ketinggalan buat sahabatku Azizi, Shamsul, Fareas, Rezal, Idris, Shahbani, Anuar dan Rohani.

Akhir kata, sekali lagi diucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung mahupun tidak langsung dalam usaha membantu menyiapkan kajian serta penulisan tesis ini. Hanya Allah S.W.T sahaja yang dapat membalas jasa dan budi kalian. Sekian, terima kasih.



Saya mengesahkan bahawa Jawatankuasa Pemeriksa bagi Mohamad Fazli Bin Sabri telah mengadakan pemeriksaan akhir pada 26hb. Jun 2002 untuk menilai tesis Master Sains beliau yang bertajuk "Sosialisasi dan Tingkahlaku Kewangan Remaja" mengikut Akta Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1980 dan Peraturan-peraturan Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1981. Jawatankuasa Pemeriksa memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahkan ijazah yang tersebut. Anggota Jawatankuasa Pemeriksa adalah seperti berikut

**Mumtazah Othman, Ph.D.**  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Jariah Masud, Ph.D.**  
Profesor Madya  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Laily Paim, Ph.D.**  
Profesor Madya,  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Syarifah Azizah Haron, Ph.D.**  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)



.....  
**SHAMSHER MOHAMAD RAMADILI, Ph.D.**  
Profesor/Timbangan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 21 AUG 2002

Tesis ini telah diserahkan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi keperluan ijazah Master Sains. Anggota Jawatankuasa Penyelia adalah seperti berikut:

**Jariah Masud, Ph.D.**  
Profesor Madya  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Laily Paim, Ph.D.**  
Profesor Madya,  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Syarifah Azizah Haron, Ph.D.**  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

.....  
**AINI IDERIS, Ph.D.**  
Profesor/Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:



## PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang telah diberi penghargaan di dalam tesis. Saya juga mengaku bahawa tesis ini tidak dimajukan untuk ijazah-ijazah lain di Universiti Putra Malaysia.

*Fazli..*

.....  
**MOHAMAD FAZLI SABRI**

Tarikh: **20** AUG 2002

## KANDUNGAN

### Muka surat

ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	vi
PENGESAHAN	viii
PENAKUAN	x
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xiv

### BAB

<b>I</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
	Pengenalan	1
	Kenyataan Masalah	4
	Kepentingan Kajian	9
	Objektif Kajian	12
	Objektif Am	12
	Objektif Khusus	12
	Hipotesis Kajian	12
	Limitasi Kajian	14
	Definisi Istilah	15
<b>II</b>	<b>TINJAUAN KAJIAN LEPAS</b>	<b>19</b>
	Remaja dan Perkembangan Diri	19
	Tinghahlaku Kewangan Remaja	22
	Sumber dan Penggunaan Wang	25
	Sosialisasi Pengguna	28
	Agen Sosialisasi	33
	Rakan Sebaya	33
	Ibu Bapa	36
	Media Massa	38
	Kaedah Pembelajaran	40
	Model Konsepsual Sosialisasi Pengguna	44
	Teori Pembelajaran Sosial	48
	Kerangka Konsepsual Kajian	49
<b>III</b>	<b>METODOLOGI</b>	<b>53</b>
	Populasi Kajian	53
	Kaedah Persampelan	53



	Pengumpulan Data	55
	Instrumentasi Kajian	56
	Pengukuran Angkubah	60
	Angkubah Bersandar	60
	Angkubah Kajian	62
	Ujian Reliabiliti	65
	Analisis Data	67
	Pembentukan Model	68
<b>IV</b>	<b>HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>	<b>72</b>
	Latar Belakang Remaja	72
	Latar Belakang Ibu bapa	77
	Pengalaman Kewangan Remaja	82
	Sumber Kewangan Remaja	90
	Pengalaman Remaja Bekerja	95
	Tingahlaku Simpanan Remaja	98
	Tabung Khas untuk Pendidikan	101
	Tingahlaku Kewangan Remaja	105
	Faktor Mempengaruhi Aspek Kewangan	112
	Tahap Kepuasan Kewangan Remaja	117
	Masalah Kewangan Remaja	120
	Agen Sosialisasi	126
	Interaksi Remaja dengan Rakan Sebaya	127
	Interaksi Remaja dengan Ibu bapa	132
	Interaksi Remaja dengan Media	138
	Kaedah Pembelajaran	147
	Pengujian Hipotesis dan Pembentukan Model	150
<b>V</b>	<b>RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	<b>157</b>
	Ringkasan Kajian	157
	Implikasi Kajian dan Cadangan	166
	Kesimpulan	169
	Cadangan untuk Kajian akan Datang	172

## **BIBLIOGRAFI**

## **LAMPIRAN**

## **VITA**

## SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1	Taburan Jumlah Edaran dan Soal Selidik Diterima	54
2	Pengukuran Angkubah Kajian	62
3	Ujian Reliabiliti Instrumen Kajian	66
4	Taburan Latar Belakang Remaja Mengikut Jantina	73
5	Taburan Latar Belakang Ibu Bapa	78
6	Pengalaman Kewangan Remaja	84
7	Sumber dan Kekerapan Remaja Menerima Wang	91
8	Taburan Purata Wang yang Diterima Remaja daripada Sumber	93
9	Kategori Pekerjaan, Pendapatan dan Tujuan Remaja Bekerja	97
10	Taburan Kategori Umur dan Kekerapan Simpanan Mengikut Angkubah Terpilih	99
11	Taburan Bentuk Simpanan dan Sumber Kewangan Mengikut Angkubah Terpilih	103
12	Tingkhilaku Perancangan Kewangan Remaja	108
13	Tingkhilaku Perbelanjaan Remaja	110
14	Taburan Masalah Kewangan Remaja	121
15	Interaksi Remaja dengan Rakan Sebaya	128
16	Purata jam (sehari) Berinteraksi dengan Rakan Sebaya	132
17	Interaksi Remaja dengan Ibu Bapa	134
18	Purata jam (sehari) Berinteraksi dengan Ibu Bapa	137
19	Interaksi Remaja dengan Media Massa	139
20	Taburan Kekerapan dan Purata Jam (sehari) Responden Menggunakan Media	144
21	Hasil Ujian Regresi Pelbagai ( <i>Stepwise</i> ) bagi Keempat-empat Model	151

<b>Rajah</b>		<b>Muka Surat</b>
1	Model Konsepsual Sosialisasi Pengguna	47
2	Kerangka Konsepsual Kajian	52
3	Peta Angkubah Kajian	61
4	Faktor yang Mempengaruhi Kewangan Remaja	114
5	Tahap Kepuasan Kewangan Remaja	118
6	Taburan Sumber Responden Mendapatkan Maklumat Mengikut Kategori Maklumat	146
7	Kaedah Pembelajaran Aktiviti Penggunaan Remaja	149

**BAB I**  
**PENDAHULUAN**  
**Pengenalan**

Remaja merupakan peringkat transisi daripada kanak-kanak ke alam dewasa. Pada peringkat ini, remaja sedang melalui proses penyesuaian terhadap perubahan fizikal, fisiologikal dan pembentukan identiti. Remaja membentuk identiti mereka untuk menjalankan fungsi dalam masyarakat menerusi proses sosialisasi (Silberman & Wheelan, 1980). Pada peringkat remaja juga, proses sosialisasi pengguna sedang berada pada tahap yang kritikal (Moore, Moschis & Stephens, 1975).

Dalam masyarakat Malaysia, pengguna remaja telah berkembang menjadi salah satu pasaran yang menguntungkan dan populasi remaja dijangka meningkat pada masa akan datang. Menurut Buku Tahunan Perangkaan Malaysia (2000), terdapat 20.7% remaja dalam kumpulan umur 10 hingga 19 tahun daripada 23.263.6 juta orang populasi penduduk Malaysia pada tahun 2000. Populasi golongan remaja meningkat sebanyak 2.3% setahun, daripada 4.47 juta pada tahun 1996 kepada 4.82 juta pada tahun 2000.

Peningkatan kemudahan pendidikan memberi peluang kepada remaja meningkatkan pendidikan ke tahap pengajian tinggi. Pewujudan 14 buah institusi pengajian tinggi awam dan sembilan buah institusi pengajian tinggi swasta sebenarnya menggambarkan bahawa kerajaan amat serius



untuk melahirkan tenaga manusia terlatih, berkemahiran dan berpengetahuan untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan daya saing. Dalam Rancangan Malaysia Kelapan (2000), kadar penyertaan bagi kumpulan umur 17 hingga 23 tahun di peringkat pendidikan tertiar dijangka akan meningkat daripada 25.0% pada tahun 2000 kepada 30.0% pada tahun 2005. Terdapat peningkatan sebanyak 1.91% kadar enrolmen pelajar pada tahun 1998 berbanding tahun 1994 di institusi pengajian tinggi awam (Perangkaan Pendidikan Malaysia, 1998). Sejar dengan perkembangan ini, dijangka bilangan remaja yang berpeluang melanjutkan pelajaran di peringkat universiti juga akan meningkat. Mereka menjadi satu kumpulan yang istimewa kerana mempunyai potensi kuasa beli yang besar dan merupakan barisan pemimpin masa hadapan yang bertanggungjawab menggubal dasar dan polisi mengenai pengguna.

Seperti di Amerika Syarikat, pasaran remaja di Malaysia juga menyediakan peluang yang menarik kepada pemasar. Menjelang tahun 2010, populasi remaja di Amerika dijangka meningkat kepada 34 juta orang. Remaja membelanjakan hampir USD100 billion setahun bagi pelbagai item barangan dan perkhidmatan. Oleh itu, remaja di Amerika Syarikat dan juga di Malaysia merupakan kumpulan sasaran yang penting kepada pemasar. Remaja mempengaruhi perbelanjaan ibu bapa, membelanjakan sebahagian besar wang pada masa hadapan dan dikenalpasti sebagai penyebar maklumat kepada masyarakat terutamanya kepada rakan sebaya (Zollo, 1995). Berdasarkan tren di atas, dapat dibuat kesimpulan bahawa, terdapat

peningkatan peratusan golongan remaja setiap tahun bukan sahaja di Malaysia malahan di negara lain. Pertambahan bilangan populasi remaja ini dijangka akan mempengaruhi keseluruhan kuasa beli di pasaran.

Hafstrom, Chai dan Young (1992), menegaskan bahawa pengguna remaja adalah satu segmen pasaran yang khusus bagi pelbagai barangan dan perkhidmatan yang terdapat di pasaran. Peranan remaja sebagai pengguna penting bukan hanya kerana kuasa beli yang ada, tetapi juga kerana golongan ini mewakili pasaran semasa (O'Neill, 1992). Tambahan pula, remaja kini mempunyai lebih banyak wang untuk berbelanja jika dibandingkan dengan generasi dahulu (Doss, Marlowe & Deborah, 1995). Ramai pemasar sedar bahawa sekiranya mereka dapat menarik lebih ramai pengguna remaja, peluang untuk menjadikan remaja ini sebagai sasaran pasaran pada masa akan datang bertambah besar (Koenigsberg & Koen, 1994). Menurut Eisman (1991), pengeluar pula melihat remaja sebagai satu lombong emas yang boleh membawa keuntungan yang banyak dan berpanjangan.

Tingkh laku dan sikap pengguna remaja di pasaran sebenarnya mencerminkan tingkh laku pengguna pada masa hadapan (Mangleburg & Bristol, 1998). Seajar dengan peningkatan kualiti dan taraf hidup masyarakat Malaysia kini, remaja diberikan kebebasan oleh ibu bapa untuk melakukan pembelian dan menentukan keputusan mereka sendiri. Hasilnya, kuasa beli remaja semakin meningkat dan membeli-belah telah menjadi satu aktiviti mengisi masa lapang remaja Malaysia (Md. Nor & Sim, 1993).

Peranan remaja yang aktif sebagai pengguna terbukti dengan penglibatan mereka dalam pembelian pelbagai barangan dan produk pengguna seperti pakaian, kosmetik, makanan, barangan sukan, permainan video dan perkhidmatan hiburan (Tsuruoka, 1992), keadaan ini juga dapat diperhatikan di Malaysia.

Kajian lepas menunjukkan remaja di Amerika Syarikat kurang berpengetahuan dalam soal menguruskan kewangan personal walaupun program literasi kewangan telah diperkenalkan (Consumer Federation of America, 1991). Program literasi kewangan baru diperkenalkan di Malaysia. Kajian ini dijalankan untuk mendapatkan maklumat dan gambaran tentang sosialisasi dan tingkahlaku kewangan remaja di Malaysia.

### **Kenyataan Masalah**

Menurut perspektif perniagaan, perubahan saiz segmen pasaran pengguna sama pentingnya seperti perubahan pendapatan segmen tersebut (Green & Welniak, 1991). Oleh itu, peningkatan peratusan remaja menjadikan mereka segmen pasaran yang menarik bagi pelbagai barangan dan perkhidmatan. Menurut Zollo (1995), terdapat enam sebab utama mengapa remaja penting dalam segmentasi pasaran. Pertama, remaja mempunyai kuasa beli yang nyata; kedua, remaja membelanjakan wang keluarga; ketiga, remaja mempengaruhi perbelanjaan isirumah; keempat, remaja ialah pemandu arah aliran; kelima, remaja ialah pengguna masa hadapan dan keenam remaja merupakan satu pasaran yang sentiasa berkembang.

Peranan remaja sebagai pengguna dan kuasa beli yang dimiliki menjadikan mereka sebagai penyumbang kepada perkembangan ekonomi sesebuah negara. Peningkatan kuasa beli di kalangan remaja sebenarnya dipengaruhi oleh pendapatan yang diterima daripada tiga sumber utama iaitu elaun, pekerjaan dan bantuan kewangan daripada ibu bapa atau saudara mara (Alhabeeb, 1996). Kajian di Amerika Syarikat menunjukkan peningkatan perbelanjaan remaja sebanyak 16.0% daripada tahun 1997 berbanding tahun 1998 yang melibatkan sumber kewangan daripada pekerjaan mereka dan pemberian wang oleh keluarga (Teenage Research Unlimited, 2000). Kajian kes yang telah dijalankan menunjukkan bagi remaja di Malaysia juga, sumber kewangan diperolehi daripada elaun, pekerjaan sambilan dan bantuan kewangan daripada ibu bapa atau ahli keluarga lain (Mazlina, 1998; Fong, 1998).

Kajian Bailey (1992), mengenai tingkahlaku kewangan remaja Amerika menunjukkan, empat perlima pendapatan remaja daripada pekerjaan dibelanjakan untuk item hiburan, pakaian, kosmetik dan pengangkutan. Kajian lain pula menunjukkan sebahagian besar wang saku yang diperolehi kanak-kanak dibelanjakan ke atas item pakaian, buku, majalah, muzik, sukan dan rekreasi (Doss et al., 1995). Pada masa yang sama terdapat perbezaan pola perbelanjaan dan penggunaan di antara remaja lelaki dan perempuan. Menurut Braus (1993), remaja lelaki lebih banyak memperuntukkan perbelanjaan mereka untuk aktiviti hiburan dan rekreasi manakala remaja perempuan banyak membelanjakan wang mereka untuk item pakaian, kasut dan penjagaan diri.

Maklumat empirik mengenai aspek penggunaan remaja di Malaysia masih terhad. Oleh kerana majoriti remaja berada di alam persekolahan, segala keperluan mereka ditanggung oleh ibu bapa atau ahli keluarga lain terutamanya perbelanjaan untuk pendidikan. Perbelanjaan pendidikan remaja dikatakan meningkat berikutan perubahan gaya hidup dan kos sara hidup yang semakin meningkat di Malaysia (Mansor & Zulridah, 1998). Kadar penyertaan tenaga buruh lelaki telah meningkat daripada 85.3% pada tahun 1995 kepada 85.4% pada tahun 2000 manakala kadar penyertaan tenaga buruh wanita pula meningkat daripada 43.5% kepada 44.5% (Rancangan Malaysia Kelapan, 2000). Peningkatan bilangan ibu bapa yang bekerja di pasaran membawa kepada peningkatan pendapatan sesebuah keluarga. Ini secara tidak langsung menyebabkan remaja berpeluang menerima elaun atau wang saku yang lebih daripada ibu bapa mereka. Ramai penyelidik dan sarjana di barat berpendapat ibu bapa merupakan sumber utama kewangan remaja (Danes, 1994; Doss et al., 1995; David & Mark, 2000; Adrian, 2001). Kajian ini turut mengenalpasti apakah sumber pendapatan remaja Malaysia.

Berdasarkan senario di atas, dapat disimpulkan bahawa peningkatan pendapatan keluarga secara tidak langsung membawa kepada peningkatan kuasa beli remaja. Apa yang menjadi persoalan ialah bagaimana remaja menguruskan sumber kewangan mereka dan apakah faktor-faktor yang mempengaruhi tingkahlaku kewangan? Walaupun di Amerika Syarikat subjek pendidikan kewangan telah lama diperkenalkan tetapi kajian Danes dan Hira (1987), menunjukkan tahap pengetahuan kewangan remaja adalah rendah dan mereka hanya mempunyai pengetahuan asas tentang

pengurusan kewangan personal. Memandangkan kurikulum pendidikan kewangan tidak wujud di Malaysia, kajian ini akan mengukur bagaimana tingkahlaku kewangan remaja di Malaysia.

Teori Pembelajaran Sosial yang diperkenalkan oleh Bandura (1977), mencadangkan bahawa kebanyakan tingkahlaku manusia dipelajari secara pemerhatian melalui model. Melalui pemerhatian ke atas individu lain, seseorang akan mengumpul idea bagaimana tingkahlaku baru dilaksanakan pada masa akan datang. Maklumat yang direkodkan ini bertindak sebagai panduan untuk tindakan yang diambil kemudian (Moschis, 1987).

Kanak-kanak dan remaja mempelajari tingkahlaku pengurusan menerusi pemerhatian dan penyertaan (pembelajaran sampingan) serta melalui arahan daripada agen sosialisasi (Rettig & Mortenson, 1986; McNeal, 1987; Moschis, 1987; Danes & Dunderud, 1993). Ibu dan bapa mempengaruhi kanak-kanak dan remaja dengan membiarkan mereka memerhati dan meniru apa yang dilakukan oleh ibu bapa, berbincang tentang penggunaan dan menyediakan peluang untuk panduan penggunaan kepada anak-anak (Ward, Wackman & Wartella, 1977). Perubahan struktur dalam keluarga seperti peningkatan ibu bapa dwi kerjaya dan ketua keluarga induk tunggal memberi kesan kepada peranan ekonomi yang akan diamalkan oleh anak-anak (Stipp, 1998). Sehubungan itu, kajian ini juga ingin mengkaji sejauh mana pengaruh ibu bapa terhadap tingkahlaku kewangan remaja.

Kajian lepas menunjukkan rakan sebaya merupakan sumber rujukan penting golongan remaja terutamanya ketika proses pemilihan dan pembelian sesuatu produk atau barangan yang hendak dibeli (Gilkison, 1973, Mascarenhas & Higby, 1993). Interaksi remaja dengan rakan sebaya menjadi dua kali ganda berbanding interaksi dengan ibu bapa semasa peringkat remaja (Brown, Mounts, Lamborn & Steinberg, 1993). Oleh kerana sebilangan besar remaja bersekolah dan terdapat mereka yang tinggal di asrama, kajian ini akan cuba mengukur setakat mana rakan sebaya mempengaruhi tingkahlaku kewangan remaja. Pendedahan kepada media massa turut mempengaruhi proses sosialisasi remaja (Moschis, 1978). Kajian ini juga akan mengukur sejauh mana pengaruh media massa terhadap tingkahlaku kewangan remaja kerana terdapat keperluan yang berbeza dalam pemilihan dan penggunaan media untuk aktiviti penggunaan remaja.

Secara lebih terperinci, kajian ini ingin menjawab persoalan berikut iaitu apakah ciri-ciri demografi dan sosioekonomi, agen sosialisasi dan kaedah pembelajaran yang mempengaruhi tingkahlaku kewangan remaja. Perubahan sosioekonomi dan gaya hidup keluarga di Malaysia, peningkatan keluarga dwi kerjaya, peningkatan kuasa beli dan peningkatan tahap pendidikan secara tidak langsung mempengaruhi peluang-peluang dan tingkahlaku kewangan pengguna. Oleh itu, wang merupakan alat pertukaran penting untuk memenuhi keperluan dan kehendak pengguna yang tidak terbatas. Selain daripada berfungsi sebagai alat perantaraan pertukaran, wang mempunyai makna berbeza kepada seseorang individu atau keluarga.

Adakalanya wang dikaitkan dengan kuasa, kebebasan, kejayaan, status sosial, pencapaian, perlindungan dan kekuatan emosi (Jariah, 1987).

Masalah kewangan timbul kerana pergantungan kepada wang dan peningkatan kehendak manusia yang tidak terbatas. Selain itu, galakan jualan contohnya di musim-musim perayaan, pembelian secara gerak hati (impuls) dan penggunaan kredit juga mempunyai kaitan dengan masalah kewangan. Kajian yang dijalankan di kalangan penerima pinjaman pendidikan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) di Universiti Putra Malaysia menunjukkan pelajar lelaki lebih banyak menghadapi masalah kewangan berbanding pelajar perempuan (Jariah, Husniyah & Amim, 2001). Lanjutan daripada kajian sebelum ini, akan meneliti perkaitan antara masalah dengan tingkahlaku kewangan remaja.

### **Kepentingan Kajian**

Sejajar dengan Wawasan 2020, hasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara industri, tanggungjawab ini perlu juga digalas oleh remaja masa kini. Justeru itu, adalah wajar untuk mengkaji tentang tingkahlaku kewangan remaja kerana cara remaja membelanjakan wang dan tingkahlaku mereka di pasaran akan mempengaruhi bentuk masyarakat pengguna pada masa hadapan (Mangleburg & Bristol, 1998). Kajian ini dapat memberi gambaran mengenai tingkahlaku kewangan, masalah kewangan, faktor yang mempengaruhi sosialisasi kewangan remaja dan kaedah pembelajaran yang telah mereka lalui.



Semasa zaman kanak-kanak lagi, manusia mempelajari banyak perkara melalui pemerhatian ke atas pola perlakuan pengguna ibu bapa mereka (O'Neill, 1992; Bailey, 1992). Kajian lepas menunjukkan bahawa pengaruh ibu bapa mempunyai perkaitan yang signifikan dengan tingkahlaku kewangan remaja berbanding pengaruh antara perorangan (*interpersonal*) yang lain (O'Neill, 1992; Hira, 1997; Feltham, 1998). Kesimpulannya, sebahagian besar tingkahlaku kewangan yang diamalkan oleh anak-anak dipengaruhi oleh cara gaya pengurusan kewangan ibu bapa itu sendiri. Oleh itu, kajian ini diharap dapat memberi input kepada ibu bapa untuk mengamalkan budaya penggunaan yang positif dan seterusnya melahirkan masyarakat pengguna remaja yang berhemah.

Maklumat dari kajian ini juga diharapkan dapat membantu pembentukan program pendidikan dalam bidang pengurusan kewangan personal oleh para profesional serta mereka yang pakar di dalam bidang penasihat dan kaunseling kewangan di institusi pengajian tinggi. Pelajar di institusi pengajian tinggi bergantung kepada biasiswa ataupun pinjaman pendidikan sebagai sumber kewangan utama bagi membiayai perbelanjaan pendidikan mereka. Program pendidikan kewangan diharap dapat mendidik pengguna terutamanya di kalangan pelajar di institusi pengajian tinggi agar mereka menjadi seorang pengguna yang cekap dan bijak pada masa hadapan. Ini selaras dengan Dasar Pengguna Negara yang bertujuan menggalakkan penggunaan lestari (*Sustainable Consumption*) di kalangan pengguna dan menjamin kedaulatan negara serta prinsip agama untuk mencapai Wawasan Negara.